

Pendidikan agama dan akhlak Islam

Pandangan

Agamawan

PERTELENGKAHAN antara adik-beradik sering terjadi dalam keluarga yang kurang menekankan aspek pendidikan agama dan akhlak Islam. Kadang-kadang pertelingkahan itu berlarutan sehingga bertahun-tahun disebabkan faktor-faktor yang sebenarnya bukanlah isu besar. Pertelingkahan ini berlaku disebabkan kurang sifat tolak ansur, berlapang dada dan memaafkan antara adik-beradik. Kadang-kadang ia berpunca daripada perebutan harta, masalah orang ketiga dalam keluarga, layanan yang tidak sama rata antara adik-beradik, pangkat dan lain-lain.

Pertelingkahan ini boleh diselamatkan sekiranya ada dalam kalangan adik-beradik yang bertolak ansur dan berlapang dada. Ia juga boleh diselamatkan sekiranya ada dalam kalangan adik-beradik tersebut satu individu yang mempunyai peribadi yang dihormati dan disegani. Individu seumpama ini boleh menjadi pendamai dan meredakan ketegangan sekiranya berlaku krisis.

Tidak dapat dinafikan, apabila berlaku satu-satu krisis dalam keluarga banyak hati yang terguris dan terluka. Caci-maki, tengking dan herdik biasa terjadi apabila kewarasan berfikir menjadi semakin rendah akibat perasaan marah atau kecewa. Apabila berlaku peristiwa yang melukakan hati banyak pihak, adik-beradik akan mengambil sikap mereka sendiri. Bagi menyelamatkan hubungan adik-beradik, sifat meminta maaf dan memaafkan kesalahan keluarga yang lain perlu dipupuk dari semasa ke semasa. Perlu ada individu yang dominan dalam keluarga untuk bertindak dan mengurus krisis keluarga tersebut.

Meminta maaf dan berubah

Memanglah usaha meminta maaf itu agak sukar terutama sekiranya dia lebih dewasa dan berusia daripada adik-beradiknya yang lain. Namun, memaafkan kesalahan juga sebenarnya sesuatu yang sukar untuk dilakukan. Sebab itulah adik-beradik yang melakukan kesalahan hendaklah benar-benar ikhlas meminta maaf dengan berusaha menunjukkan sikap mahu berubah dan insaf atas kesilapan yang dilakukan. Kadang-kadang kesilapan dan permohonan maaf itu boleh dilakukan dengan menunjukkan sikap yang baik dan layanan yang mesra kepada keluarga.

Ada juga dalam kalangan kita yang menyedari kesalahan dan kesilapan sendiri tetapi ego untuk meminta maaf, walaupun dalam hatinya masih ada kasih dan sayang. Hubungan adik-beradik adalah hubungan kekal yang tidak putus seumpama air yang dicencang tidak akan putus. Kemungkinan perkataan minta maaf itu agak sukar untuk dilafazkan. Tetapi boleh dimulai dengan berbuat baik dan berkata baik kepada ahli keluarga. Sekiranya sukar untuk berbual-bual dengan ahli keluarga akibat pergaduhan yang panjang, mulailah dengan mendoakan mereka dalam keadaan mereka tidak tahu. Kerana doa seorang saudara tanpa pengetahuan saudaranya mustajab di sisi ALLAH SWT.

Sifat hormat-menghormati antara yang tua dan muda perlu dipupuk dalam kalangan adik-beradik. Yang tua dihormati dan yang muda disayangi menjadi lagu dan nyanyian bertujuan mendidik generasi pentingnya menjaga hubungan antara keluarga. Sikap menghormati yang tua dan menyayangi yang muda perlu menjadi amalan dalam institusi keluarga. Sikap ini boleh mengurangkan pertelingkahan berlarutan yang merosakkan hubungan kekeluargaan. Seorang abang atau kakak yang mahu dihormati hendaklah menunjukkan sikap kasih sayang dan bertolak ansur kepada adik-adiknya. Sikap inilah akan menjadikan dirinya dihormati dan disegani dalam keluarga. Sekiranya sikap menyayangi itu hilang, akan hilang jugalah sikap menghormati tadi daripada adik-beradik yang lain.

Perkongsi di media sosial

Dalam arus moden hari ini, banyak perhubungan antara adik-beradik dan keluarga berlaku dalam media sosial. Semua perkara dan isu menjadi tontotan umum dalam Facebook, WhatsApp dan Telegram. Malah pergaduhan juga berlaku melalui status yang dikongsi dalam Facebook, komen dan sebagainya.

Ia menjadi berlarutan dan tanpa kesudahan. Kadang-kadang ia menjadi medium kita melepaskan geram dan rasa tidak puas hati kepada ahli keluarga yang lain.

Keadaan ini berlaku kerana kurangnya waktu bersemuka antara satu sama lain. Masing-masing menulis, memaki dan mencaci dalam Facebook, WhatsApp dan telegram tanpa ada perasaan rahmat dan kasih sayang. Sebagai seorang Islam, kita hendaklah berhati-hati menggunakan media sosial agar tidak disalah guna dan memerangkap diri sendiri. Sekiranya tidak berpuas hati dengan salah seorang ahli keluarga, pergilah berjumpa dan bersemuka dengan dia. Itu adalah lebih baik dan bermakna.

Hubungan adik-beradik ini ibarat air yang dicencang tidak akan putus. Walaupun pergaduhan dan tidak bertegur sapa itu memakan masa yang agak panjang, namun lama kelamaan mereka akan kembali semula berkasi sayang. Jauh di sudut hati masing-masing masih tersimpan perasaan sayang antara satu sama lain.

Ibu bapa memainkan peranan utama dalam usaha mendamaikan antara adik-beradik. Sewajarnya mereka menjadi orang yang berkecuali dan tidak menunjukkan kecenderungan kepada mana-mana pihak. Malah mereka hendaklah berusaha mendekatkan hati-hati yang jauh dengan banyak berdoa dan memberi nasihat yang baik.

Sekiranya keadaan menjadi semakin parah sehingga membawa diri keluar daripada rumah, adik-beradik sewajarnya memberi mereka waktu dan tempoh bertenang. Berilah masa untuk dia bertenang dan berfikir. Mungkin tinggal berjauhan itu menjadikan hubungan lebih baik pada masa akan datang. Dalam waktu yang sama, berusaha membina semula hubungan dengan adik-beradik yang lari keluar rumah tadi. Jadilah orang yang banyak mendengar dan setia mendengar keluhan dan aduan.

Campur tangan orang ketiga

Pertelingkahan adik-beradik tidak akan menjadi panjang sekiranya tiada campur tangan orang ketiga ataupun orang luar. Sebab itulah adik-beradik yang bergaduh hendaklah berhati-hati dengan ipar duai yang sama-sama mendiami rumah tersebut. Kadang-kadang ipar duai ini semakin menambahkan luka dan pergaduhan antara mereka. Sebab itulah, ipar duai yang tinggal bersama di bawah satu bumbung perlu menjaga batas-batas perhubungan agar tidak mencampuri urusan ahli keluarga suami atau isteri masing-masing.

Kadang-kadang wujud juga sikap menantu yang menjadi batu api dalam pertelingkahan adik-beradik. Ibu bapa perlu memberi nasihat dan teguran, bukan sahaja kepada menantu tersebut bahkan juga kepada anak masing-masing agar tidak membiarkan pergaduhan ini dipengaruhi oleh orang ketiga. Pada satu-satu situasi ibu bapa perlu bertindak tegas agar pergaduhan itu tidak berlarutan dan menjadi ingauan yang buruk kepada adik-beradik lain.

USTAZAH NORSALAH
MOHD SALLEH
KETUA JABATAN
USULUDDIN KOLEJ
UNIVERSITI ISLAM
SELANGOR
Ph.D Pendidikan dan
Universiti Kebangsaan
Malaysia (UKM)

